

# Benarkah Rombongan Presiden Meminta Dijemput

Surat-surat khabar Indonesia telah menyebarkan suatu kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh 4 wartawan-wartawan Indonesia iaitu Tuan Mochtar Lubis, (Indonesia Raya), Adam Malik (Antara), Rusihan Anwar (Pedoman) dan Isa. Taşrif (Abadi). Kenyataan itu menyebarkan perkara-perkara yang perlu diketahui oleh umat Indonesia seluruhnya tentang lawatan Presiden Sukarno ke Amerika Syarikat dan Eropah tempoh hari. Kenyataan itu dikumpulkan daripada berita-berita yang didapat oleh mereka tatkala melawat negeri-negeri Eropah.

Peribadi, Presiden Sukarno, kata kenyataan itu, dalam lawatannya ke Amerika telah dapat menambah perasaan mahabbah dari umat dan rakyat negara-negara yang dikunjunginya disebabkan oleh kebijakan dan kefasihannya berkata-kata. Tetapi di dalam rombongan itu banyak pula peristiwa-peristiwa yang lain yang di antaranya mereka menceritakan bagaimana dua perwira angkatan perang Republik Indonesia yang gagah yang bersama-sama dalam rombongan Presiden berkunjung ke Switzerland. Pada suatu malam kedua-dua perwira ini berjalan membawa nyonya-nyonya pergi minum di sebuah tempat minuman (Restaurant) di Berne, ibu negeri Switzerland. Mereka minum dengan gembira dan bersuka-ria sehingga tidak mereka ingat lagi apakah wang yang ada dalam tangan mereka itu cukup untuk membayar harga minuman yang mereka minum sebanyak-banyaknya di situ.

Ketika mereka hendak pergi dari tempat itu dan bila disampaikan harga minuman dengan amat terkejut kedua perwira itu melihat bahawa wang yang ada di tangan tidak cukup untuk membayar minuman yang sudah mereka habiskan itu. Pemilik minuman tidak mahu menerima penjelasan-penjelasan mereka dan memaksa supaya membayar dahulu

sebelum meninggalkan tempat itu. Akhirnya pegawai restaurant itu memanggil polis dan pada ketika itu mereka akan dibawa oleh polis tetapi untung dapat diselamatkan dengan segera oleh Pegawai Kedutaan Indonesia di Berne yang datang kerana menolong mereka.

Dan keempat-empat wartawan itu menceritakan bagaimana desakan-desakan yang didatangkan oleh wakil-wakil Indonesia di negeri-negeri seperti di Itali, Switzerland, di Austria supaya mengundang Presiden Sukarno dan kerana itulah penerimaan-penerimaan yang didatangkan tidak lain dan tidak bukan hanya sekadar begitu sahaja sebab ia seolah-olahnya, menurut kata-kata mereka, diocok-ocokkan sahaja sekalipun negeri-negeri itu tidak bersedia menerima unuk menerima tamu-tamu yang datang dengan secara rasmi ke negeri mereka.

Mereka nyatakan juga, dalam kenyataan itu, bahawa pengikut-pengikut rombongan Presiden berkeadaan seperti “*tourist*” atau pelawat –pelawat yang makan angin sahaja dalam satu cerita lain pula, kenyataan keempat wartawan-wartawan itu menceritakan kejadian yang berlaku seperti di bawah ini:

“Dari Rom kita bawa pembaca mengikuti “Cerita di belakang cerita”, tentang kunjungan Presiden Sukarno dan rombongannya ke Jerman Barat. di Bone ibu kota Jerman Barat, kaum wanita Indonesia telah dikerah untuk menyiapkan jamuan guna meyambut kedatangan Presiden Sukarno dengan rombongannya. Pada waktu jamuan alangkah hairannya kaum wanita Indonesia tatkala melihat seseorang wanita muda kulit putih berambut perang bernama Miss Ann, seseorang pelayan kapal terbang Pan American Aeros yang membawa rombongan Presiden itu, ikut pula diantara dif-dif. Kaum-kaum

wanita ini berbicara tentang Presiden yang baik perhatiannya terhadap Miss Ann ini daripada diri mereka. Tidak hairan jika kemudian ketika diadakan perhitungan mengenai belanja masak-masak untuk jamuan itu maka seseorang wanita Indonesia memasukkan ke dalam daftar perbelanjaan masak yang dikeluarkannya ongkos gas yang dipakainya.

“Sementara itu banyak anggota-anggota rombongan lain selama Presiden berkunjung di Jerman Barat yang rajin hingga jauh malam berkunjung ke Bandar Dourdo dan Berlin. Di kedua bandar ini dibandingkan dengan Bone, banyak benar dapat peluang untuk meminum champagne, berdansa-dansi dan bermacam-macam peluang lain bagi anggota rombongan untuk melepaskan lelah perjalanan mereka.

“ Dari Jerman rombongan itu kemudian meneruskan kunjungannya ke Swiss, sebuah negeri yang cantik di Eropah Barat” – kata kenyataan keempat-empat watawan itu sambil akhirnya menceritakan bagaimana kehairanan orang-orang di Bern, ibu kota Swiss, apabila melihat di dalam kereta kencana kebesaran yang ditarik kuda penyambut dif-dif negara duduk di antara pengapit Presiden Nona berkulit putih dan berambut perang iaitu Miss Ann pelayan dari kapal terbang Pan American Aeros Setelah ditanya-tanya maka rupanya Miss Ann diperlukan oleh Presiden Sukarno sebagai penyalin untuk memperbaiki bahasa Inggeris Presiden.

“ Kerana itu tidak menghairankan” – kata kenyataan itu “ ketika pada suatu pagi Miss Ann kelihatan duduk di tempat tidur Presiden Sukarno di mana ia tinggal. Rupanya sedang memperbaiki bahasa Inggeris teks pidato Presiden Sukarno. Kemudian hal Miss Ann menjadi pembicaraan kalangan kedutaan Republik Indonesia di Berne maka dijelaskan bahawa Miss

Ann itu kerjanya memperbaiki bahasa Inggeris Bung Karno”.

“ Hanya dikhabarkan, katanya, yang kurang mengerti keadaan ini ialah pelayan-pelayan orang Swiss yang menjaga rumah tumpangan itu.

“Ketika Presiden dan rombongannya tiba di Jambia maka Miss Ann juga tetap membantu Presiden Sukarno dengan bahasa Inggeris dan datang juga ke hotel Richmund di mana Presiden Sukarno tinggal.”

Kemudian kenyataan itu menceritakan pula hal-hal yang berlaku di antara anggota rombongan. Katanya, di Janbiya terjadi satu kejadian yang dengan jelas menunjukkan gambaran jiwa seseorang rombongan Presiden hingga memang beralasan jika di sini anggota rombongan Presiden diejek dengan “sebutan rombongan” (anggota barang-barang second hand). Seseorang anggota setiap istana Presiden Sukarno bernama Wenoto, katanya, telah tidak puas dengan keadaan hotel yang disediakan baginya kerana bilik itu tidak mempunyai bilik mandi sendiri. Ia marah-marah pada seseorang anggota setiap kedutaan Republik Indonesia di Berne yang dipandang bertanggungjawab tentang keadaan ini. Dalam marahnya ia melupakan dirinya hingga ia memukul anggota setiap kedutaan tersebut. Anggota setiap kedutaan merasa dirinya tidak bersalah dan mempunyai rasa hormat pada dirinya sendiri lalu segera membalas dan memukul semula hingga Wenoto dikhabarkan jatuh ke lantai. Kejadian ini selesai demikan dengan Wenoto kemudian meminta maaf dan mengaku salah.

Mereka kemudian menceritakan riwayat-riwayat perjalanan-perjalanan seperti di Vienna di Alman 12 orang anggota rombongan sahaja yang diluluskan – 12 orang daripada 40 orang anggota rombongan yang hanya diterima sebagai dif kerajaan Austria selainnya menjadi tourist dengan

perbelanjaan-perbelanjannya ditanggung oleh kerajaan Indonesia> dan yang merasa tersinggung benar bahawa ada hal-hal diplomatik Indonesia yang hingga pukul 2 malam masih ada lagi di dalam *night club* bersuka ria minum dengan riang genbira. Kenyataan itu mengadakan kesimpulan dengan katanya: “Pembaca sendiri lebih arif untuk mengambil kesimpulannya sehingga cukuplah rasanya laporan kepada seluruh bangsa ini. Dan ditutup dengan pernyataan:

“Benarkah menjadi lebih tinggi nama dan taraf bangsa Indonesia serta Negara Indonesia oleh kunjungan mahabbah rombongan Presiden Sukarno? Apakah tingkah-laku mereka sesuai, dengan keadaan negeri kita yang disebutkan oleh Presiden Sukarno sabagai “Fighting Nation” ( Negara Pejuang – P) yang

masih harus memperjuangkan kehidupan dan kemakmuran yang semua bagi rakyat seluruhnya? Patutkah sekelompok kecil manusia pesiar mendapat nikmat berfoya-foya di luar negeri sambil menghamburkan duit cukai rakyat sedang di dalam negeri penuh ketegangan oleh masalah-masalah kehidupan rakyat belum dipecahkan? Jawabnya. Katanya. Terpulung kepada pembaca-pembaca yang kritis juga.

Hal-hal yang tersebut dalam ini perlu mendapat perhatian diri kita disanjung ini nanti di Alman hendaknya janganlah ada kelak kejadian-kejadian yang serupa itu-membelanjakan perbelanjaan-perbelanjaan yang besar yang bakal ditanggung oleh rakyat yang hanya menyenangkan serta memuaskan beberapa orang sahaja. Mudah-mudahan kita terjauh daripada perkara itu. \* \* \*



*Puteri Margaret sedang diperkenalkan kepada orang-orang besar Zanbira dalam satu jamuan makan yang telah diadakan di sana oleh semua kaum.*